

Konsep Lafaz Cerai Ta'liq : Suatu Kajian Perbandingan Menurut Perspektif Hadith Dan Mazhab Fiqh

Liana binti Ab Latif
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
lianaablatif9@gmail.com.my

Abstrak

Syariat Islam telah menggariskan panduan dan tata tertib dalam skop perbincangan pembuatan mukallaf. Al-Qur'an dan hadith menjadi elemen utama sebagai rujukan hukum hakam. Al-Qur'an merangkum semua aspek keperluan kehidupan dan hadith pula berperanan memberi perincian dan penjelasan terhadap perkara-pekerja yang umum. Pelbagai skop yang dinyatakan di dalam al-qur'an antaranya perceraian. Prosedur dan adab tertib perceraian telah dijelaskan untuk golongan suami. Kepelbagaian cabang perceraian dibahaskan dalam hadith antaranya lafaz cerai ta'liq. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menjelaskan konsep lafaz cerai ta'liq yang telah menjadi suatu norma dalam kalangan masyarakat Islam. Lafaz cerai ta'liq adalah suatu ungkapan yang disebut oleh suami terhadap isteri dengan syarat tertentu yang akan membawa kesan kepada perceraian jika suami atau isteri melanggar syarat tersebut. Justeru, lafaz cerai ta'liq ini dikaji dan dinilai dari sudut perspektif hadith dan perbandingan hukum mazhab fiqh. Lafaz ini berpunca daripada faktor yang pelbagai sama ada dari pihak suami, isteri atau pihak ketiga. Metod kajian ini adalah kajian kualitatif. Data diperolehi melalui kajian perpustakaan dengan menggunakan beberapa sumber untuk menganalisis dapatan kajian seperti buku, artikel, kertas kerja, tesis, analisis dokumen dan lima sampel kes mahkamah. Dapatan kajian ini dianalisis menggunakan perisian atlas.ti. Oleh itu, permasalahan berkaitan lafaz cerai ta'liq haruslah dibendung dengan baik agar tidak meruntuhkan hubungan perkahwinan yang telah dibina. Pelbagai usaha perlu dinilai dari sudut faktor berlaku lafaz cerai ta'liq supaya jumlah kes yang berlaku dapat dibendung dan diminimalkan.

Kata Kunci: *Konsep, Lafaz Cerai Ta'liq, Hadith, Mazhab Fiqh, Kesan*

Pendahuluan

Perceraian adalah suatu norma masyarakat pada zaman kini. Pelbagai medium perceraian digunakan seiring dengan peredaran zaman. Perceraian bukan sahaja melibatkan hubungan antara suami dan isteri bahkan memberi kesan kepada isteri yang tidak menerima sebarang nafkah. Kepelbagaian perceraian membawa kepada beberapa jenis antaranya cerai ta'liq. Lafaz ta'liq adalah bermaksud suatu ucapan suami yang mengandungi syarat-syarat tertentu. Cerai ta'liq adalah berlaku disebabkan oleh syarat-syarat yang diucapkan oleh suami berlaku. Tujuan kajian adalah untuk menunjukkan hubungan antara perspektif hadith dan fiqh terhadap lafaz cerai ta'liq. Kajian lepas menyebut lafaz cerai ta'liq tetapi belum cukup mendalam. Justeru, kajian ini mengkaji perkaitan lafaz cerai ta'liq pada pandangan hadith dan fiqh.

Konsep Lafaz Cerai Ta'liq

Pemahaman konsep secara literal bagi perkataan lafaz cerai ta'liq didapati daripada pelbagai sumber rujukan. Definisi cerai dinyatakan sebagai lafaz yang digunakan untuk melepaskan ikatan antara suami dan isteri (Abdur Rahman al-Juzairiy, 2003; Syeikh as-Syarbiniy, 1997). Definisi yang lebih spesifik didapati daripada pendapat Al-Zuhaily (1985) yang menyebut cerai ta'liq dapat digambarkan suami menggantungkan syarat terhadap isterinya melalui ucapan, tingkah laku atau bersifat ciri tertentu. Sebagai contohnya: “Apabila Mahmud datang, kamu diceraikan”. Lafaz ta'liq yang terikat dengan waktu pula sebagai contohnya: “Apabila tiba bulan hadapan, kamu diceraikan”.

Menurut pakar perundangan di Malaysia, cerai dapat didefinisikan sebagai suatu proses pembubaran perkahwinan mengikut hukum syara' (Zaleha & Raihanah Abdullah, 2002). Cerai ta'liq pula adalah perceraian berpihak pada isteri berdasarkan syarat yang dinyatakan dalam perjanjian perkahwinan. Ia berlaku menurut syarat-syarat yang terikat dengan peristiwa atau perbuatan tertentu (Zaini, 2002). Sebagai contoh: suami berkata kepada isteri: “Jika engkau keluar dari rumah ini tanpa kebenaran aku, maka engkau akan diceraikan”. Perbuatan isteri keluar rumah tanpa keizinan suami menyebabkan isteri diceraikan. Oleh itu, amalan lafaz ta'liq di Malaysia merupakan satu hak diperolehi oleh isteri untuk bercerai sekiranya suami melanggar salah satu syarat-syarat yang terdapat di dalam surat ta'liq yang dibaca sewaktu akad nikah (Zaleha & Raihanah Abdullah, 2002; Ibrahim Lembut, 2006; Najibah, 2007). Salleh Buang (1990) & Suwaid Tapah (2007) menambah bahawa lafaz ta'liq yang diucapkan oleh suami tidak boleh ditarik kembali sehingga ia berlaku.

Dalil Al-Qur'an

Lafaz ta'liq adalah suatu syarat yang merangkum ucapan janji suami terhadap isteri. Islam menyarankan umatnya supaya menepati janji. Ini kerana orang yang memungkir janji adalah salah satu amalan orang munafiq. Janji haruslah seiring dengan hukum syarak. Terdapat dalil-dalil yang jelas di dalam al-Quran, al-Sunnah dan pendapat fuqaha' yang menyeru umatnya untuk menepati janji. Sebagaimana firman Allah S.W.T:

الطَّلَاقُ مَرَّتَانِ فَإِمْسَاكَ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٍ بِإِحْسَانٍ

Terjemahan: Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (rujuk dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik. (Surah al-Baqarah : 229)

فَإِنْ طَلَّقَهَا فَلَا تَحِلُّ لَهُ مِنْ بَعْدِ حَتَّى تَنْكِحَ زَوْجًا غَيْرَهُ

Terjemahan: sesudah (diceraikan dua kali), itu jika diceraikan pula (bagi kali yang ketiga) maka perempuan itu tidak halal lagi baginya sesudah itu, sehingga ia berkahwin dengan suami yang lain. (Surah al-Baqarah : 230)

Ayat tersebut menerangkan bahawa talaq bersifat umum dan tidak memisahkan antara mana-mana jenis talaq. Ia juga tidak ada mana-mana dalil yang mengkhususkannya, maka suami boleh menceraikan isterinya dengan mana-mana jenis talaq.

وَأَوْفُوا بِالْعَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْئُولًا

Terjemahan: Dan sempurnakanlah perjanjian (dengan Allah dan dengan manusia), sesungguhnya perjanjian itu akan ditanya. (Surah al-Isra' : 34)

Firman Allah SWT membawa maksud seseorang yang menepati janji perlu seimbang perkataannya dan perbuatannya. Di akhirat kelak, Allah akan mempersoalkan perkara yang diperintah dan ditegah oleh Allah termasuk menepati janji. Janji bukan sahaja melibatkan janji dengan Allah tetapi juga janji sesama manusia (Syams al-Din al-Qurtubiy, 1964; Ibn Kathir, 1999).

Ayat tersebut membawa maksud wajib menepati janji bagi semua aspek ikatan, ikatan yang umum termasuk dalam semua jenis pelaksanaannya, ta'liq termasuk salah satu maka wajib menepati janji. Ia dikira berlaku talaq jika tidak menepati janji.

Sebagaimana firman Allah SWT memerintah supaya menepati janji:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. (Surah al-Maidah : 1)

Tafsir ayat ini menjelaskan bahawa terdapat beberapa akad janji. Akad janji tersebut merupakan amanah terhadap seseorang untuk menunaikannya. Allah menyatakan janji berhubungan dengan Allah, Nabi Muhammad SAW serta sesama manusia. Akad janji berlaku dalam pelbagai aspek antaranya perceraian termasuk cerai ta'liq. Akad ini perlu berlandaskan hukum syarak (Ibn Kathir, 1999). Jika syarat dalam perjanjian tersebut tidak selari dengan apa yang terkandung dalam al-qur'an dan al-sunnah maka syarat tersebut dikira sebagai batal (Syams al-Din al-Qurtubiy, 1964).

Dalil Hadith

Antara sabda baginda SAW ialah

حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ دَاوُدَ الْمَهْرِيُّ، أَخْبَرَنَا ابْنُ وَهْبٍ، أَخْبَرَنِي سُلَيْمَانُ بْنُ بِلَالٍ، ح وَحَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ عَبْدِ الْوَاحِدِ الدَّمَشْقِيُّ، حَدَّثَنَا مَرْوَانُ، - يَعْنِي ابْنَ مُحَمَّدٍ - حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ بِلَالٍ، أَوْ عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ مُحَمَّدٍ - شَكَ الشَّيْخُ - عَنْ كَثِيرِ بْنِ زَيْدٍ، عَنِ الْوَلِيدِ بْنِ رَبَاحٍ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ وَزَادَ سُلَيْمَانُ بْنُ دَاوُدَ وَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " الْمُسْلِمُونَ عَلَى شُرُوطِهِمْ "

Terjemahan: Telah diriwayatkan kepada kami oleh Sulaiman bin Daud al-Mahriy, telah diriwayatkan oleh Ibn Wahab, telah diriwayatkan Sulaiman bin Bilal, telah diriwayatkan Ahmad bin Abdul Wahid al-Damsyiqiy, telah diriwayatkan Marwan, iaitu Ibn Muhammad – telah diriwayatkan oleh Sulaiman bin Bilal atau Abdul Aziz bin Muhammad – telah mngesyaki sheikh – daripada Kathir bin Zaid, daripada al-Walid bin Rabah, daripada Abu Hurairah, telah berkata bahawa Sulaiman bin Daud menambah Rasulullah SAW telah bersabda: Orang-orang Islam telah terikat dengan syarat-nya. (No hadith: 3594, Sunan Abu Daud bertaraf Hasan Sahih juga diriwayatkan oleh Tirmidhi no hadith: 1352)

Cerai ta'liq tidak boleh melibatkan sesuatu yang menghalalkan perkara haram atau mengharamkan perkara yang halal. Maka wajib berlaku berdasarkan perkataan tersebut.

أَخْبَرَنَا أَبُو بَكْرٍ الْأَرْدَسْتَانِيُّ، أَنَا أَبُو نَصْرٍ أَحْمَدُ بْنُ عَمْرٍو الْعِرَاقِيُّ نَا سَفْيَانَ بْنَ مُحَمَّدٍ الْجَوْهَرِيَّ، نَا
عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ عَلِيِّ بْنِ الْحَسَنِ، نَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الْوَلِيدِ، نَا سَفْيَانَ، عَنِ الزَّبِيرِ بْنِ عَدِيِّ، عَنِ إِبْرَاهِيمَ،
هِيَ وَاحِدَةٌ وَهُوَ " : إِنْ فَعَلْتُ كَذَا وَكَذَا فَهِيَ طَالِقٌ فَتَفَعَّلَهُ قَالَ : رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فِي رَجُلٍ قَالَ لِامْرَأَتِهِ
أَحَقُّ بِهَا

Terjemahan: Abu Bakar Al-Ardastaniy telah meriwayatkan bahawa beliau adalah Abu Nasr Ahmad bin Amru Al-Iraqi daripada Sufyan bin Muhammad Al-Jauhari, daripada Ali bin Al-Hasan, daripada Abdullah bin Al-Walid, daripada Sufyan, daripada Al-Zubair bin 'Adiy, daripada Ibrahim, daripada Ibn Mas'ud RA ada seorang lelaki berkata kepada isterinya : Jika aku melakukan sekian sekian maka jatuh talaq ke atas kamu kemudian isterinya kemudian dia melakukannya maka dia berkata : Isteri itu soerang dan suami lebih berhak ke atasnya.

Ijma' Ulama Berkaitan Lafaz Cerai Ta'liq

Ijma' fuqaha mazhab bersepakat menyatakan bahawa ta'liq adalah termasuk dalam bab perceraian. Ta'liq ini berkait rapat dengan suatu hubungan suami isteri yang terputus dan batal hak pemilikan, tiada sebarang ikatan atau pemilikan orang ajnabi. ini kerana ta'liq pada ajnabi dikira ta'liq secara main-main. Ta'liq ini adalah talaq yang berlaku apabila syarat yang dilafazkan benar-benar berlaku tanpa percampuran kata-kata yang lain. Jika ucapan lafaz ta'liq ini datang daripada golongan yang tidak mempunyai apa apa pemilikan sebagai contohnya ucapan ta'liq seorang kanak-kanak atau ta'liq daripada golongan yang telah mencapai akil baligh namun tidak berhak untuk pemilikan (Al-Zuhaily, 1985).

Menurut Yusof al-Qardhawi (2016), beliau menerangkan bahawa cerai ta'liq ialah cerai yang menunjukkan suruhan melakukan sesuatu atau tegahan melakukan sesuatu. Cerai ini bukanlah cerai yang disyariatkan oleh agama untuk memutuskan ikatan perkahwinan, bahkan ia dianggap seperti sumpah. Jika syarat tersebut tidak berlaku apa-apa maka dikenakan kifarah sumpah iaitu memberi makan atau pakaian sepuluh orang miskin. Pendapat ini merupakan paling rojih menurut ijma' ulama hingga zaman kini.

Secara rumusnya, lafaz cerai ta'liq disebut di dalam al-qur'an dalam skop menepati janji. Bahkan isu lafaz cerai ta'liq mula wujud dan berlaku pada zaman Nabi Muhammad SAW sebagaimana lafaz hadith tersebut menyatakan wajib menepati janji. Bahkan ketika itu lafaz cerai ta'liq juga digambarkan secara umum iaitu menekankan wajib menepati syarat tanpa ulasan dan perbincangan yang lebih mendalam dan menyeluruh.

Lafaz Cerai Ta'liq Menurut Perspektif Hadith

Hadith nabi ada menyebut tentang syarat dalam lafaz cerai atau juga dikenali sebagai lafaz cerai ta'liq. Hadith tersebut diriwayatkan oleh Ibn Musaib, Hasan dan 'Atha daripada Rasulullah SAW: baginda telah meriwayatkan bahawa ucapan lafaz talaq yang dimulakan atau diakhiri dengan perkataan jika atau sekiranya maka dia lebih berhak untuk memenuhi syarat-syaratnya. Kitab Fathul Bari oleh Ibn Hajar menyebut bab syarat dalam talaq iaitu talaq ta'liq sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Musaib, Al-Hasan dan 'Atha jika lafaz ta'liq tersebut bermula atau berakhir dengan *in* iaitu jika atau sekiranya maka perlu memenuhi syarat tersebut, hadith ini juga sampai kepada Abdul razak daripada Ma'mar daripada Qatadah daripada Al-Hasan dan Ibn Musaib apabila suami berkata kepada isterinya bahawa itu adalah lafaz cerai dan juga hamba yang merdeka jika dia tidak melakukan perkara tersebut maka cerai tersebut tidak jatuh ke atas isteri dan bebas hamba, kedua-duanya berkata jika dia telah melakukan maka tidak jatuh talaq ke atas isterinya. Kitab syarah hadith fathul bari mengatakan bahawa lafaz talaq tersebut adalah suatu ta'liq iaitu ikatan janji atau syarat sebagai contohnya : Kamu akan diceraikan jika masuk ke dalam rumah, jika kamu masuk ke dalam rumah maka kamu akan diceraikan. Maka kedua-duanya tidak mempunyai perbezaan dalam hukum maka berlaku talaq jika isteri tersebut benar-benar memasuki rumah sebagaimana yang dita'liqkan.

Begitu juga hadith daripada Abu Hurairah, telah berkata bahawa Sulaiman bin Daud, Rasulullah SAW telah bersabda: Orang-orang Islam telah terikat dengan syarat-nya. Hadith ini membawa maksud bahawa orang Islam yang terikat dengan syarat, wajib menepati syarat tersebut. Termasuk juga dengan lafaz cerai ta'liq. Antara perkara yang mesti menepati janji termasuklah berkaitan akad sama ada hutang, jual beli, sewaan, akad nikah dan juga perceraian. Apabila lafaz tersebut telah diucapkan oleh suami maka suami tidak boleh menarik balik bahkan jika dia mahu menangguhkan lafaz ta'liq tersebut, maka ia tetap berlaku apabila syarat-syarat ta'liq tersebut berlaku. Islam sangat menggalakkan umatnya menepati janji demi kemaslahatan individu dalam berurusan sesama manusia lain. Mungkir janji adalah sifat munafiq dan boleh membawa kepada pertelingkahan sesama manusia.

Lafaz Cerai Ta'liq Menurut Perspektif Fiqh

Para fuqaha berpendapat bahawa lafaz cerai ta'liq dikira sah apabila syarat tersebut munasabah berlandaskan syarak. Perbincangan lafaz cerai ta'liq dapat dikaji melalui perbincangan empat mazhab iaitu Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali. Mereka mengeluarkan pendapat berdasarkan dalil dan hujah-hujah syarak yang menunjukkan bahawa ia bukanlah sesuatu yang baharu. Jumhur ulama bersepakat menyatakan lafaz cerai ta'liq menggunakan istilah syarat seperti (متى ما, كل, كلما) (إن, إذا, إذا ما) sebagai kata penguat kepada lafaz syarat ta'liq tersebut. Bahkan, fuqaha membahagikan lafaz cerai ta'liq kepada beberapa jenis.

Mazhab Hanafi telah berpendapat bahawa syarat lafaz cerai ta'liq haruslah merangkum syarat yang munasabah berlaku (Al-Muwasiliy, T.T.; Al-Nasafiy, T.T). Pendapat ini juga diperakui oleh Mazhab Syafie dengan melabelkan syarat tersebut mestilah sah di sisi syarak (Al-Syairaziy, 1983). Al-Majajiy (2010); Khalid al-Ke'k (1993) ulama Mazhab Maliki menambah talaq berlaku dalam dua keadaan sama ada ia talaq berta'liq atau talaq tanjiz. Cerai berta'liq bermaksud seorang suami bersumpah dengannya. Bagi masyarakat arab, lafaz tersebut dikira sebagai sumpah. Apabila berlaku pelanggaran maka ia dianggap sebagai melanggar sumpah dan memberi kesan terhadap hubungan suami isteri. Ia juga boleh berlaku dalam beberapa jenis keadaan antaranya suami meletakkan atau menggantungkan syarat tertentu terhadap sesuatu perbuatan isteri. Norma masyarakat Arab mengecualikan penggunaan perkataan (كلما). Ini kerana (كلما) membatalkan lafaz cerai ta'liq tersebut di sisi mereka. Perkataan (كلما) menunjukkan skop yang umum pada sesuatu lafaz. Malahan orang yang melafazkan ta'liq tersebut mestilah seorang suami yang sah di sisi hukum. Sebagai contoh lafaz ta'liq: Jika kamu masuk rumah ini maka jatuh talaq atau apabila tuan berkata kepada hamba perempuannya: Jika kamu bercakap dengan Zaid maka kamu akan dibebaskan atau: Jika aku mengahwini kamu maka jatuh talaq ke atas kamu. Ada juga situasi suami berkata: Kepada semua isteri yang telah aku nikahi maka jatuh talaq ke atas mereka. Huraian terperinci mazhab Hanafi turut menjelaskan selagimana masih sah sebagai suami dan isteri maka lafaz ta'liq itu tidak terbatal. Jika berlaku keraguan di antara kewujudan atau ketiadaan syarat maka suami perlu membuktikan ucapan lafaz tersebut dan isteri pula mengemukakan bukti atau keterangan (Al-Muwasiliy, T.T.; Al-Nasafiy, T.T).

Kesimpulannya, ulama terkini juga menjadikan hujah dan dalil fuqaha empat mazhab sebagai rujukan utama dan dianggap paling rojih. Justeru, lafaz-lafaz cerai ta'liq yang sah di sisi syarak sebagaimana yang dinyatakan oleh kesemua fuqaha empat mazhab akan memberi kesan kepada pembubaran perkahwinan apabila suami atau isteri melanggar syarat-syarat ta'liq tersebut.

Pembahagian Lafaz Cerai Ta'liq Menurut Perspektif Empat Mazhab Fiqh

Ulama mazhab fiqh telah mengkategorikan lafaz cerai ta'liq kepada beberapa bahagian yang terdiri daripada ulama mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali. Dapatan pengkaji menunjukkan terdapat persamaan dan perbezaan kategori jenis lafaz cerai ta'liq.

Menurut mazhab Maliki, lafaz cerai ta'liq dibahagikan kepada tujuh keadaan. Pertama ialah syarat berkaitan perkara yang berkemungkinan boleh berlaku atau berkemungkinan tidak berlaku. Contohnya: Jika kamu masuk rumah itu maka jatuh talaq atau jika kamu bercakap dengan Zaid maka jatuh talaq atau jika dia balik daripada musafirnya dan ia akan berlaku talaq jika syarat tersebut berlaku. Kedua pula syarat berkaitan peningkatan usia yang menjadi kepastian akan berlaku. Contoh: Jika tiba bulan itu atau jika mati fulan ini maka jatuh talaq dan ini akan jatuh talaq kerana memang akan berlaku. Ketiga pula syarat berkaitan perkara yang pada kebiasannya berlaku dan kebolehdjian juga tidak berlaku. Contohnya: Jika kamu didatangi haid, maka jatuh talaq. Pendapat ini turut dipersetujui oleh mazhab Syafie (Al-Ghazzali, 1997) dan mazhab Hanbali (Al-Bahutiy, 1983). Keempat pula adalah syarat tentang perkara yang tidak diketahui. Contohnya: Jika Allah ciptakan di dalam laut Qalzam ikan paus yang mempunyai sifat begini dan begini. Kelima pula syarat yang berkaitan dengan kehendak Allah. Contohnya: Kamu jatuh talaq dengan

izin Allah. Maka jatuh talaq serta merta. Syarat ini diakui oleh Al-Ghazzali (1997) dan Al-Bahutiy (1983). Keenam pula syarat berkaitan persetujuan manusia. Sebagai contohnya: Jatuh talaq ke atas kamu kalau Zaid nak. Syarat ini mempunyai persamaan dengan Al-Ghazzali (1997) dan juga Al-Bahutiy (1983). Ketujuh adalah syarat terhadap sesebuah perkahwinan. Contohnya: Kalau saya berkahwin dengan fulanah maka dia jatuh talaq.

Antaranya fuqaha yang terkini seperti Karim Zaidan (1983) menyebut talaq ta'liq bermaksud apa yang berlaku pada masa akan datang menggunakan salah satu kata syarat iaitu ta'liq seperti (كلما (إن, إذا, إذا ما, مامتي, متى, كل, seperti seorang suami berkata : Jika kamu masuk rumah si fulan maka jatuh talaq ke atas kamu atau jika kamu bermusafir ke negeri kamu maka jatuh talaq ke atas kamu atau jika kamu keluar dari rumah ini tanpa izin saya maka jatuh talaq ke atas kamu, atau bila kamu bercakap dengan si fulan ni maka jatuh talaq ke atas kamu. Talaq ta'liq juga dinamakan sebagai sumpah kiasan. Ini kerana ta'liq dianggap sebagai satu syarat atau ikatan, maka seolah-olah dianggap sebagai sumpah, jika difahami maksud musabab, sumpah juga membawa maksud satu galakan, larangan atau meyakinkan sesuatu berita.

Al-Zuhaily (1985) juga berpendapat jumhur fuqaha menetapkan hukum cerai ta'liq berdasarkan hujah dalil ayat al-Qur'an (الطلاق مرتان). Para ulama empat mazhab mentakwilkan ayat ini sebagai ayat umum yang merangkumi semua jenis cerai tanpa mengkhususkan kriteria lafaz cerai tersebut termasuklah cerai ta'liq. Ini menunjukkan hanya dua kali talaq sahaja yang dibenarkan oleh syarak dengan tidak mengambilkira cirri-ciri, bentuk dan keadaan lafaz cerai tersebut. Bagi dalil hadith pula para fuqaha menggunakan lafaz hadith nabi (المسلمون عند شروطهم). Hadith ini jelas menunjukkan kewujudan syarat tersebut menjadi tanggungjawab seseorang menunaikannya dengan amanah. Ia adalah suatu peringatan kepada suami dan isteri. Jika berlaku sebarang pelanggaran syarat maka masing-masing akan menanggung risiko atas perbuatan sendiri.


Ibn Taymiyyah (2004) pula berpendapat seperti mazhab Hanafi dan Syafie bahawa lafaz cerai ta'liq dengan menyifatkan kepada kehendak maka tidak dikira lafaz cerai manakala mazhab Maliki dan Hanbali berpendapat bahawa lafaz cerai itu dikira. Akan tetapi lafaz cerai itu juga perlu dilihat kepada niat dan maksud, jika lafaz itu tidak berniat untuk bercerai maka lafaz itu tidak dikira lafaz cerai. Situasi ini seperti seorang warga asing yang bercakap dengan bahas ayang tidak difahami maka tidak dikira apa yang diucapkannya itu. Beliau berpendapat jika tsyarat ta'liq tersebut sah maka lafaz cerai ta'liq, jika syarat ta'liq tersebut terbatal maka tidak berlaku cerai.

Contoh Kes Mahkamah

Ada juga beberapa kes ta'liq yang memakan masa yang lama kerana ketidakhadiran salah seorang suami isteri di mana perbicaraan terpaksa ditangguh sehingga dua tahun seperti yang berlaku dalam kes 1. Dalam kes 2, pasangan ini telah melakukan perceraian pada 05 Februari 2000. Permohonan oleh pihak suami kepada mahkamah untuk mendapat pengesahan cerai melalui proses seperti di atas telah dilakukan. Perbicaraan pengesahan perceraian telah dijalankan pada 09 Oktober 2000, dan mahkamah memutuskan perceraian telah berlaku pada 05 Februari 2000 dengan talaq satu. Dalam kes 3 yang diputuskan pada 2003, Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur mengesah dan mensabitkan perceraian pasangan suami isteri yang dilafazkan melalui sistem pesanan ringkas (SMS) apabila suami menghantar kepada isteri SMS berbunyi, "*Kalau engkau tak*

keluar dari rumah mak bapak engkau, jatuh talak tiga." SMS itu dihantar pada jam 10.04 pagi, 18 April 2003 dan isteri membacanya pada jam 8 malam apabila telefon bimbitnya dipasang. Isteri mengatakan bahawa dia yakin suaminya iaitu defendan dalam kes ini yang mengirim mesej itu dan apabila mahkamah mengajukan soalan kepada defendan, beliau memperakukan keterangan diberikan plaintif. Hakim Syarie ketika membuat keputusan berkata, lafaz ta'liq cerai itu sah dan sabit serta gugur talaq tiga terhadap plaintif. Dalam kes 4, suami telah melafazkan ta'liq jatuh talaq tiga pada 14 Februari 1999 dan isterinya telah melanggar ta'liq tersebut pada April 1999. Mahkamah mengesahkan perceraian berlaku kerana ta'liq tidak rasmi tidak memerlukan pihak ketiga. Suami memohon rayuan ke Mahkamah Tinggi. Setelah diteliti dan dikaji semula, keputusan hakim bicara dikekalkan. Maka perceraian sah berlaku dan diputuskan pada 23 Mac 2000.

Metodologi Kajian



Reka bentuk kajian ini adalah kajian kualitatif. Kajian kualitatif adalah kajian yang tidak dapat dijelaskan dengan data numerika yang mana terdapat perkara-perkara tertentu yang memerlukan pemerhatian yang teliti terutamanya berunsurkan emosi, motivasi dan empati (memahami orang lain) yang berkait dengan manusia, kumpulan tertentu atau keadaan semulajadi (Chua, 2006). Kajian ini menghubungkan antara perspektif hadith dan fiqh untuk mendapatkan titik keserasian antara kedua-duanya. Proses pengumpulan data melibatkan sumber-sumber yang sedia ada seperti kamus bahasa, kamus undang-undang, buku-buku fiqh, tesis, disertasi, artikel, jurnal dan kertas kerja sebagai dokumen penting dalam mendapatkan data berkaitan kes cerai ta'liq tidak rasmi. Kajian ini juga menggabungkan kajian perpustakaan dan analisis sampel kes mahkamah. Proses penganalisaan data pula, pengkaji mengumpulkan dan mengekod data menggunakan perisian Atlas.ti yang menghasilkan beberapa tema bagi mencapai objektif kajian iaitu tema isu sebagai tema utama dan sub tema pula ialah tema lafaz, faktor dan kesan. Tema ketiga pula ialah

tema inisiatif penambahbaikan yang dapat dilakukan. Pengkaji mengaitkan hubungan antara hadith dan fiqh dan membawa kepada kesan dan inisiatif yang diperlu diambil cakna.

Rumusan Dan Dapatan Kajian

Rumusannya, dapatan kajian menunjukkan lafaz cerai ta'liq adalah suatu lafaz yang perlu diambil serius terutamanya berpihak pada suami. Suami perlu berwaspada terhadap pengucapan lafaz ta'liq kerana ia boleh memberi impak yang besar terhadap isteri. Selain itu, lafaz ta'liq juga turut dianggap ibarat janji yang wajib ditepati. Pelbagai langkah dan usaha para fuqaha mengkaji terhadap penggunaan dalil-dalil syarak. Mereka membahaskan lafaz cerai ta'liq dari sudut teori, hukum dan hujah serta pembahagian jenis-jenis lafaz cerai ta'liq menurut mazhab tertentu. Ini selari dengan peredaran zaman yang menimbulkan pelbagai isu dan masalah lafaz cerai ta'liq dalam kalangan masyarakat. Sumber-sumber tersebut digunapakai dan diaplikasi oleh negara-negara Islam termasuklah Malaysia sebagai sandaran hukum yang diberi prioriti bagi merungkai permasalahan berkaitan lafaz cerai ta'liq. Justeru, isu lafaz cerai ta'liq perlu diberi penekanan yang serius menurut hujah dalil nas al-qur'an, al-sunnah serta pendapat yang rojih daripada fuqaha yang muktabar bagi menyelidik dan mengatasi isu ini lebih berleluasa di masa akan datang.

Bibliografi

- Abu Bakr, Abdur Razzaq ibn Humam, (2015), *Musannaf Abdur Razzaq*, Egypt: 'Ala al-Din al-Samarqandi (1984). *Tuhfah al-Fuqaha*. Juz 2, cetakan 1, Beirut: Dar al-kutub al-'Alamiyyah, hlm.196.
- Abu Husayn, Yahya Ibn Abi Khayr (2000). *Al- Bayan fi Madhhab al-Imam al- Shafi'e*. Jaddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Bahuti, Mansur Ibn Idris (t.t). *Kashfu al-Qina'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Baihaqi, Abu Bakar (2003). *Sunan Kubra Al-Baihaqi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlm. 583
- Al-Bukhari, Muhammad Ibn Ismail (t.t). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Tuq al-Najah, hlm. 103
- Al-Ghazzali, Muhammad bin Muhammad (1997). *Al-Wasit fi al-Mazhab*. Juz 5. Syari' Azhar: Dar Al-Salam.
- Al-Imraniy, Yahya. *Al-Bayan fi Mazhab al-Syafie*. Juz 10, Dar al-Minhaj, hlm. 135
- Al-Kasani, Abu Bakr Ibn Mas'ud Ibn Ahmad. *Bada'i al-Sana'i fi Tartib al- Shara'i'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Khin, Mustafa; al-Bughna, Mustafa & al-Sharbiji, 'Ali (2011). *Al-Fiqh al- Manhaji 'ala Madhhab al-Imam al-Shafi'i*. Juz 3. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Al-Majajiy, Muhammad (2010). *Al-Muhazzab min al-Faqih al-Maliki wa Adillatuhu*. Juz 2, cetakan 1, Jazair: Dar al-Wa'ie li al-Nasyar wa al-Tawzi', hlm. 77.
- Al-Maliki, Muhammad Ibn Ahmad. *Manh al-Jalil ala Sharh Mukhtasar Khalil*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Maqdisiy, Abdullah (1994). *Al-Kafi fi Fiqh al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Juz 3, cetakan 1, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, hlm. 126.
- Al-Maqdisiy, Baha al-Din (2003). *Al-Uddah Syarh al-Umdah*. Cetakan 2003, Kaheerah: Dar al-Hadith, hlm. 449.
- Al-Muqaddisiy, Syarf al-Din. *Al-Iqna' fi fiqh Ahmad bin Hanbal*. Juz 4, Beirut: Dar Al-Ma'arif,

- hlm. 29.
- Al-Muti'ie, Muhammad Najib. *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Juz 18, Kerajaan Arab Saudi: Maktabah al-Irsyad, Jeddah, hlm. 296.
- Al-Muwasiliy, Abdullah (2009). *Ikhtiar li Ta'li' al-Mukhtar*. Juz 3, cetakan 1, Beirut: Dar al-Risalah al-'Aalamiyyah, hlm. 182.
- Al-Nawawi, Yahya Ibn Sharaf (t.t). *Al-Majmu' Sharh al-Muhadhab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qalyubi, A. S. & Al-Barlisi, A.'U (1995). *Hashiyata Qalyubi wa 'Umayrah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qurafi, Shihab al-Din Ahmad bin Idris (1994). *Al-Dhakhirah*. Juz 10. Beirut: Dar al- Gharb al-Islami.
- Al-Qurtubiy (2006). *Al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*. Cetakan 1, Lubnan: Muassasah Risalah.
- Al-San'ani, 'Abd al-Razzaq Ibn Humam al-Humayri al-Yamani. *Al- Musannaf*. Beirut: Lubnan.
- Al-Shafi'i, Muhammad bin Idris (2001). *Al-Umm*. Juz 7. Mansurah: Dar al-Wafa li al-Ṭaba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad bin al-Khatib (1997). *Mughni al-Muḥtāj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Juz 4. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Syairazy, Abu Ishak (1996). *Al-Muhazzab fi Fiqh Al-Syafi'i*. Juz 4, hlm. 319
- Al-Zuhayli, Muhammad (2011). *Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Shafi'i* Juz 5. Damsyiq: Dār al-Qalam.
- Al-Zuhayli, W. (1985). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Juz 6. Damsyiq: Dar al-Fikr li al-Ṭaba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- 'Aud, 'A. R. M. *Kitab al-Fiqh 'ala Madhahib al-Arba'ah*. Mansurah: Maktabah al-Iman Bab syarat dalam talaq, hlm.192
- Badran Abu al-'Aynayn Badran (1967). *Fiqh al-Muqaran li Ahwal al-Shakhsiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Buang, S. (1990). *Digantung tak bertali, disalai tak berapi satu analisa perlaksanaan hukum cerai ta'liq di Malaysia*, *Malayan Law Journal*.
- Din, H. (1977). *Persoalan taklik talak: suatu analisis tentang wajar tidaknya taklik talak terus diamalkan di Malaysia*, *Jurnal Islamiyat*, (1), hlm. 23-40.
- Din, H. (1990) *Ta'liq Talaq*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khalid Al-Eik (1993). *Ensiklopedia Fiqh Maliki*. Juz 4, cetakan 1, Damsyiq: Dar al-Hikmah, hlm. 255.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin Ibn 'Umar (1992). *Rad al-Mukhtar 'ala al-Dur al-Mukhtar*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibn Farhun, al-Imam al-'Allamah Burhan al-Din Abi al-Wafa' Ibrahim Ibn al- Imam Shams al-Din Abi 'Abd Allah Muhammad. (2003). *Tabsirah al-Hukkam fi Usul al-'Aqdiyyah wa Manahij al-Ahkam*. Juz 1. Riyad: Dar 'Alam al-Kutub.
- Ibn Hajjaj, al-Qushayri al-Naysaburi Muslim (t.t). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibn Majah, Muhammad Ibn Yazid al-Qazwini (t.t). *Sunan Ibn Majah*. al-Qahirah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabi.
- Ibn Manzur, Muhammad Ibn Makram (t.t). *Lisan al-'Arab*. al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Ibn Muflih al-Hanbaliy (1997). *Al-Mubdi' Syarh al-Muqni'*. Juz 6, Dar al-Kutub al-Ilmiah – Beirut, cetakan 1, hlm. 356.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad, 'Abd Allah Ibn Ahmad Ibn Muhammad (t.t). *Al-Mughni*. al-Qaherah: Maktabah al-Qaherah.

- Ibn Raslan (2016). *Syarh Sunan Abi Daud*. Juz 14, cetakan 1, Fayoum: Dar al-Falah, hlm. 655.
- Ibn Taymiyyah, Taqi al-Din Abu al-Abbas Ahmad Ibn 'Abd al-Halim. (1987). *Al-Fatawa al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibnu Ahmad. (1996). *Misykah al-Misbah Fi Syarhil Iddah wal Silah fi Ahkam al-Nikah*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Ismail, S. (2003). *Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh dan Undang-Undang Keluarga Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruddin, Z., & Abdullah, R. (2002). *Kamus Istilah Undang-Undang Keluarga Islam*. Zebra Editions.
- Majalah al-'Urduniyyah fi Dirasat al-Islamiyyah 5 (1), hlm. 47-59.
- Nasohah, Z. (2002). *Perceraian: Hak Wanita Islam*. Utusan Publications.
- Syams Al-Din al-Syarbiniy (2004). *Al-Iqna' fi al-faz Abi Syuja'*. Juz 2, cetakan 3, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, hlm. 300.
- Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah. (1983). *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait
- Zaydan, 'A. K. (1983). *al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Zuqayli, A. (2009). *al-Talaq al-Mu'tlaq: Ma'fhumuh wa Atharuh fi al-Fiqh Islami*.

Senarai Kes

- Kes 1 [1996] Jurnal Hukum jilid 11 edisi 47
- Kes 2 Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil 1342-09-93/2002
- Kes 3 Utusan Malaysia, 25 Julai 2003
- Kes 4 [2004] Civil Law Journal (Syariah) [Rayuan Mal No : 01/2000]